



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

---

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(10)

Tarikh: 11 Oktober 2019

## KENYATAAN MEDIA

### PBBPP MENGALU-ALUKAN PERUNTUKAN PROJEK KERETA KABEL

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang baharu dan Menteri Kewangan, YB Lim Guan Eng kerana memperuntukan bajet bagi pembinaan sistem kereta kabel baharu di Bukit Bendera.

Peruntukan pembinaan sistem kereta kabel baharu juga mampu menjana ekonomi kepada sektor pelancongan Pulau Pinang dan Malaysia secara keseluruhannya.

Walaupun peruntukan telah dicadangkan, projek kereta kabel masih tertakluk kepada kajian feasibiliti teknikal dan kelulusan pihak berkuasa berkaitan. Pada masa ini, proses tender kajian pra-feasibiliti sedang dijalankan sebelum kajian feasibiliti teknikal yang lengkap dapat dilakukan selanjutnya.

Jumlah pengunjung tempatan dan antarabangsa ke Bukit Bendera telah meningkat setiap tahun. Pada tahun 2018, perkhidmatan furnikular Bukit Bendera telah mencatatkan jumlah pengunjung sebanyak 1.74 juta. Bukit Bendera kini dilihat sebagai lokasi pelancongan popular di kalangan pengunjung tempatan dan luar negara.

PBBPP yakin sistem kereta kabel yang baharu akan menjadi tarikan pelancongan ikonik tambahan di Pulau Pinang. Pengunjung akan menikmati pemandangan menarik di sekitar puncak Bukit Bendera di samping menawarkan akses alternatif ke Bukit Bendera.

PBBPP akan memastikan projek ini dilaksanakan mengikut keperluan teknikal yang ditetapkan.

#TAMAT#

---



# PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)

---

## About Penang Hill Corporation

Penang Hill Corporation was established in 2009 through an enactment passed by the Penang State Legislative Assembly. Its main focus is to manage the funicular system, maintain and develop Penang Hill as a major ecotourism destination, and its vision is to make Penang Hill the hill resort of choice in Malaysia and the region.

## Corporate Communications Unit

Chris Koay  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[shkoay@penanghill.gov.my](mailto:shkoay@penanghill.gov.my)

Lee Shew Yean  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[sylee@penanghill.gov.my](mailto:sylee@penanghill.gov.my)

Izatul Aziah Ismail  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[izatul@penanghill.gov.my](mailto:izatul@penanghill.gov.my)